

## **SUKUM 2016 : UniMAP RAIH PINGAT EMAS PERTAMA**

Nilai, 9 Ogos – Kontinjen Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti Malaysia (SUKUM 2016) berjaya meraih pingat emas pertama menerusi Mohd. Zulfauzi Mohd. Sawal dalam acara tenpin boling (single lelaki).

Mohd. Zulfauzi yang mencatatkan 1,258 jatuhan pin berjaya mengeneipkan saingan pemain Universiti Utara Malaysia (UUM), Iskandar Adon yang hanya mampu mencatatkan 1,238 jatuhan pin.

UniMAP turut meraih pingat gangsa dalam acara yang sama menerusi Nurakmal Ramli yang melakukan 1213 jatuhan pin.

Sementara itu bagi kategori perseorangan wanita pula, para pemain UniMAP gagal menyumbangkan sebarang pingat apabila hanya mampu menempatkan diri pada kedudukan keenam terbaik. Tiga lagi wakil UniMAP sekadar menduduki tangga ke-12, 27 dan 50 daripada keseluruhan 64 peserta yang mengambil bahagian.

Pingat emas bagi kategori single wanita dimenangi oleh Universiti Sains Malaysia (USM), Perak menjadi milik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan gangsa milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Dalam perkembangan lain, pasukan dart UniMAP gagal mencuri tempat untuk mara ke pusingan separuh akhir selepas tumpas kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kiraan mata 1-3.

Bagi acara bola tampar pula, UniMAP berjaya meraih mata bagi perlawanan pertama apabila pasukan bola tampar lelaki menundukkan pasukan tuan rumah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2-1 manakala pasukan bola tampar wanita pula menewaskan UIAM 2-0.

Pasukan bola sepak veteran turut memulakan aksi memberansangkan apabila menumpaskan pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan 3 jaringan berbalas 2.

Bagaimanapun, pasukan tenis campuran UniMAP gagal mengekang kehebatan pasukan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang juga merupakan juara bertahan selepas hanya mampu memenangi tiga daripada tujuh perlawanan.

Tiga mata tersebut disumbangkan oleh pemain single lelaki; Ahmad Hazeq Hisham, beregu wanita; Nur Farhana Yusoff dan Zuhannis Zahari serta kategori beregu lelaki terbuka menerusi Ahmad Faizal Mansor dan Nurul Amri Ahmad.

**Disediakan oleh;**

Aininulniza Mohd Yusof

Pegawai Perhubungan Media

Unit Perhubungan Media UniMAP